

Makmal Saham Bernama-UMS dibuka secara rasmi

NST 26.4.2014 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) hari ini melakar sejarah baharu dengan pembukaan Makmal Saham secara rasmi di Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan universiti berkenaan kelmarin.

Ini menjadikan universiti itu sebagai institusi pengajian tinggi pertama di negara ini yang memperkenalkan modul pengajaran urus niaga pasaran saham masa nyata kepada pelajarinya.

Majlis itu disempurnakan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dengan disaksikan Pengerusi BERNAMA Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Ketua Pegawai Eksekutif Bernama Systems and Solutions Advisors Sdn Bhd (Bessar) Muniyati Muhammad dan Dekan Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan Prof Madya Dr Rasid Mail.

Bernama menyediakan 45 terminal komputer yang dilengkapi perisian Bessar, yang juga anak syarikat Bernama iaitu 'Financial Information Services'

(FIS) yang mengandungi maklumat masa nyata urus niaga pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perisian itu juga membolehkan simulasi pelaburan saham dibuat secara maya dengan menggunakan maklumat sebenar pasaran selain membolehkan pelajar mengalami suasana sebenar pelaburan dan membina kemahiran dalam pelaburan saham.

Makmal saham itu juga mempunyai sebuah galeri saham awam yang memaparkan pergerakan harga bagi semua kaunter yang disenaraikan di BSKL.

Abdul Rahman yang berbangga dengan pembukaaan itu berkata Bernama menerusi BESSAR bersedia untuk menyediakan perisian berkenaan kepada mana-mana institusi pengajian tinggi lain yang berminat.

"Harapan kita untuk memperkenalkan sistem ini kepada universiti-universiti lain yang mempunyai kursus dagangan yang berkaitan dengan pelaburan dan pasaran saham dan kita akan menawarkan kemudahan kepada univer-

siti lain yang mungkin tidak ada kemudahan itu," katanya kepada Bernama selepas majlis itu.

Beliau berharap makmal itu akan menjadi pusat rujukan selain membolehkan UMS menyampaikan pengajaran kepada pelajar secara lebih berkesan seperti memantau harga pasaran saham di BSKL secara tepat-masa.

"Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada UMS sempena sambutan ulang tahun ke-20 dan makmal saham dapat memanfaatkan pelajar di universiti itu," katanya.

Sementara itu, Dr Mohd Harun berkata makmal itu dibuka tepat pada masanya kerana ia merupakan pengajaran secara amali yang menyediakan data masa nyata yang cukup baik kepada pelajar.

"Jadi perkembangan ini amat bagus kepada pelajar sebagai pusat rujukan yang menunjukkan UMS amat serius memberi peluang pengajaran kepada pelajar dan pengajaran secara amali itu akan menjadikan pelajar lebih yakin apabila keluar bekerja," katanya. - Bernama